

19 DEC 2002

MAHATHIR-BINTULU

BINTULU AKAN DIBANGUNKAN SEBAGAI PUSAT INDUSTRI BERAT

BINTULU, 19 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Bintulu yang kaya dengan sumber tenaga seperti gas asli cecair dan tenaga elektrik akan dibangunkan sebagai pusat industri berat di Sarawak.

Kata Perdana Menteri antara industri berat yang berpotensi dibangunkan di sini ialah industri peleburan aluminium dan industri besi keluli.

"Pada 2007, Empangan Elektrik Bakun akan siap dan menjanakan 2,400 megawatt tenaga elektrik dan kita mahu industri menggunakan tenaga ini selain untuk kegunaan di Sarawak dan Sabah," katanya pada majlis perasmian Lapangan Terbang Bintulu (LTB) yang berharga RM385 juta di sini.

Serentak dengan perasmian pesawat Penerbangan Malaysia Boeing 747-400 yang membawa 100 orang kenamaan mendarat dengan lancar di LTB.

Dr Mahathir berkata bagi menarik industri berat ke Bintulu, kerajaan mengambil pendekatan menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas seperti bekalan tenaga elektrik terlebih dahulu.

"Projek Bakun misalnya dikritik hebat oleh beberapa pihak termasuk dari Barat tetapi kita teruskan kerana kita tidak mahu pelabur meminta (kemudahan) baru menyediakan dan membuatnya," katanya.

Beliau menjelaskan hari ini sudah banyak pertanyaan diterima daripada pelabur asing untuk membuka industri berat di Bintulu.

Perdana Menteri juga mahukan rakyat dan syarikat negara ini meningkatkan keyakinan terhadap diri sendiri bagi meneruskan pembangunan dan meningkatkan lagi kemajuan negara.

"Pada masa lalu, jika projek besar-besaran kita jemput kontraktor dari Eropah, Jepun dan Korea tetapi sekarang kontraktor kita dijemput untuk projek besar di luar negara termasuk di Eropah," katanya.

Beliau menggesa kontraktor tempatan agar mengeksport kepakaran mereka dan ini akan menyumbang lagi kepada pertumbuhan ekonomi negara ini.

"Kita harus yakin kepada diri kita sendiri lebih daripada orang lain yakin kepada kita," katanya.

Mengenai LTB, Dr Mahathir yakin ia akan dapat digunakan sehingga ketahap kapasiti penuhnya dalam masa yang singkat.

"LTB bukan sahaja memudahkan rakyat dan pelancong memasuki dan keluar Bintulu tetapi juga akan membolehkan pelabur asing datang untuk melihat sendiri potensi ekonomi Bintulu dan membuat mereka mengambil keputusan untuk melabur di sini," katanya.

Terdahulu Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, untuk menggalakkan lagi rakyat menggunakan perkhidmatan udara, Kerajaan sedang dalam proses memberikan galakan kepada syarikat penerbangan berjadual tempatan memperkenalkan kadar dan jenis tambang yang menarik kepada pengguna.

"Saya yakin syarikat penerbangan akan memperkenalkan tambang yang menarik ini pada tahun 2003," katanya.

Turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmood. -- BERNAMA

FLL MT